

# Larian neon ceriakan malam di UMP

BERITA HARIAN CVARA (M) 12 MEI 2016 m/s 12

**Kuantan:** Lebih 2,000 peserta menambahkan keceriaan acara Larian Malam Neon Universiti Malaysia Pahang (UMP) sejauh lima kilometer (km) dengan mengenakan pelbagai aksesori menarik. Mereka antara lain memakai renda kasut yang

memantulkan cahaya, menyapu cat UV pada wajah dan tangan serta membawa glow stick sepanjang larian mengelilingi kampus bermula jam 9 malam.

Acara itu dianjurkan oleh Kelab Ecotech dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA)

bersempena dengan Festival Antarabangsa Inovasi Teknologi Hijau (i-FINOG), baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dato Dr Rosli Mohd Yunus, berkata aktiviti riadah itu secara langsung memeriahkan

waktu malam yang hening.

## Gaya hidup sihat

"Program ini bertujuan menggalakkan amalan bersukan dan gaya hidup sihat," katanya ketika berucap menyempurnakan majlis perasmian acara itu di sini.

Yang turut hadir ialah Pengerusi i-Finog 2016, Abdul Shukor Abd Razak; Pengarah Pusat Kokurikulum UMP, Ramli Abid; dan wakil JHEPA, Abdul Rahman Ahmad. Sementara itu pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli,

Khaw Chee Sean, muncul juara Kategori Lelaki, manakala Norsyakila Abdul Wahab dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam pula mengungguli Kategori Wanita dengan masing-masing membawa pulang pingat serta sijil penyertaan.



Prof Dr Rosli (tengah) merasmikan acara Larian Malam Neon UMP.



Pelbagai gelagat peserta yang memeriahkan suasana malam.